

Ibrahim Ali akan bertanding sebagai calon bebas di Pasir Mas
Malaysian Insider
April 16,2013

KUALA LUMPUR, 16 April — Datuk Ibrahim Ali akan bertanding sebagai calon bebas di kerusi parlimen Pasir Mas dalam Pilihan Raya 2013 akan datang walaupun tidak disenaraikan sebagai calon bagi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum 5 Mei ini.

Presiden Pertubuhan Peribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) itu kecewa kerana tidak diberikan alasan mengapa tidak dicalonkan sedangkan Naib Presidennya Datuk Zulkifli Noordin dipilih menjadi calon BN bagi kerusi parlimen Shah Alam.

"Saya tidak disenaraikan maknanya saya tidak diberi peluang, sebab-sebabnya saya tak tahu. Mungkin rupa paras saya tak cantik atau sebagainya," katanya dipetik dari laman sesawang Astro Awani.

BN mencalonkan Timbalan Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Che Johan Che Pa bertanding di kerusi itu.

Menurut Ibrahim (gambar), beliau bukan berdendam dengan BN atau Umno apabila memutuskan untuk bertanding di Pasir Mas sebaliknya menasihati semua ahli Perkasa supaya menyokong calon yang dikemukakan oleh BN.

"Tapi saya ingin nyatakan di sini walaupun saya bertanding di Pasir Mas bukan bererti saya menentang BN. Saya kira hal Pasir Mas ini isolated case (kes terpencil)," tambah beliau lagi.

Baru-baru ini bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan BN agar meletakkan Ibrahim sebagai calon dan berjanji untuk berkempen di Pasir Mas sekiranya presiden Perkasa itu terpilih.

Dr Mahathir yang juga merupakan penaung kepada Perkasa juga berkata, orang-orang seperti Ibrahim diperlukan oleh negara.

Ibrahim sebelum ini pernah mengugut mahu membakar bible berbahasa Melayu dan menjadi jaguh mempertahankan hak keistimewaan golongan Bumiputera walaupun ianya telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Pada pilihan raya umum lalu, Ibrahim bertanding di atas tiket PAS dan menang kerusi Parlimen Pasir Mas selepas mengalahkan calon BN, Ahmad Rosdi Mahamad dengan majoriti 8,991 undi. Beliau kemudian berkrisis dengan PAS dan mengumumkan dirinya sebagai wakil rakyat bebas.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ibrahim-ali-akan-bertanding-sebagai-calon-bebas-di-pasir-mas/>

